

# PM tak tunjuk kemarahan

UM 31/10/2003 - 6 PRECISE

## Jika ada pemimpin BN bangkitkan perkara sakitkan hati

Oleh MOHD FAIRUZ YUSOF

**K**ITA sering melihat terdapat sege-lintir pemimpin dunia yang cepat melenting dan marah apabila berhadapan sesuatu isu yang menyentuh peribadinya dalam dunia politik dan pentadbirannya.

Bagaimanapun, sikap tersebut tidak dimiliki oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bersara pada hari ini kerana beliau mempunyai sifat kesabaran tinggi dalam menghadapi pelbagai tekanan dan cabaran sepanjang pentadbiran beliau sejak 22 tahun lalu.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, sepanjang tempoh pentadbiran Dr. Mahathir, beliau tidak pernah melihat Perdana Menteri menunjukkan kemarahannya walaupun kesilapan yang dilakukan oleh para pemimpin lain adalah serius.

"Beliau tidak mempunyai sifat panas baran dan memarahi sesiapa sahaja jika melakukan kesilapan sama ada di dalam komponen Barisan Nasional (BN) ataupun dalam pentadbiran kerajaan.

"Dr. Mahathir kelihatan tenang dalam berhadapan sesuatu situasi dengan mengambil langkah bijaksana dalam menanganinya dan sifat sedemikian sukar di dapati oleh mana-mana pemimpin di dunia ini," katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya memberitahu, jika sesuatu perkara yang dibangkitkan oleh para menteri Kabinet atau pemimpin parti komponen menyakitkan hati, Dr. Mahathir hanya tersenyum dan berdiam diri seketika.

Tambahnya, reaksi itu menunjukkan kepada mereka bahawa ia tidak perlu dibangkitkan lagi dalam mesyuarat tersebut.

"Itulah kelebihan yang ada pada diri

Dr. Mahathir. Beliau tidak mudah melenting dan hanya senyum sahaja yang menunjukkan beliau tidak suka mengenai perkara berkenaan," ujarnya.

Ketika menceritakan mengenai pengalaman manis beliau sepanjang pentadbiran Perdana Menteri, Samy Vellu memberitahu, Dr. Mahathir mempunyai pemikiran yang jauh untuk membangunkan tanah air tercinta ini setanding dengan negara-negara maju lain.

Katanya, selain pembangunan negara, Dr. Mahathir juga dilihat melahirkan sebuah masyarakat yang dinamik apabila berjaya menyatupadukan pelbagai kaum untuk hidup aman dan bahagia.

Tambahnya, hasil perancangan itu, Malaysia bukan sahaja dikagumi oleh negara-negara membangun tetapi turut dipuji oleh negara-negara maju.

### Kebaikan

"Pembangunan yang difikirkan untuk kebaikan rakyat telah membawa banyak pembaharuan dan pemodenan sehingga para pemimpin luar negara yang datang ke negara ini hairan bagaimana dalam tempoh 20 tahun Malaysia membangun dengan pesatnya," katanya.

Katanya lagi, Dr. Mahathir bukan sahaja merancang sesuatu pembangunan tetapi turut 'turun padang' untuk meninjau perancangan yang dilakukan itu berjalan lancar.

Beliau cukup tegas dan serius dalam menyelesaikan perancangan yang dilakukan sehingga sanggup 'turun padang' untuk melihat sendiri pembangunan yang dirancang.

Selain pembangunan negara, Perdana Menteri juga berusaha menyatupadukan pelbagai kaum dengan perancangan ter-



SAMY VELLU

tentu yang membawa manfaat kepada mereka. Samy Vellu berkata, pemimpin kesayangan rakyat itu tidak membezakan kaum-kaum di negara ini, sebaliknya mewujudkan masyarakat dinamik dan mampu menyumbang kepada negara.

"Beliau telah mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia. Masyarakat Malaysia itu ialah Bumiputera, Cina India dan kaum lain-lain.

"Kini mereka tidak lagi mempunyai sifat perkauman sebaliknya bersatu padu dalam mempertahankan negara jika diancam oleh penjajah luar," jelasnya.

Tambah beliau, masyarakat sekarang sudah boleh berfikir jauh mengenai usaha itu sebagai langkah membentuk satu masyarakat Malaysia yang maju, progresif dan tidak membezakan antara kaum.

"Saya tidak pernah melihat pemimpin di mana-mana negara seperti Dr. Mahathir yang berusaha mengubah hidup masyarakatnya supaya lebih berdaya saing dan bersatu padu untuk berhadapan dalam pelbagai cabaran pada masa depan," katanya.

Sumbangan Dr. Mahathir dalam pembangunan negara bukan sahaja tertumpu kepada sesuatu kaum, tetapi juga melibatkan kaum-kaum lain yang tidak mahu ketinggalan untuk turut sama merasainya.

Pencapaian yang boleh dilihat terhadap masyarakat kaum India di negara ini apabila Perdana Menteri mengambil berat tentang masalah tertentu termasuk dalam bidang pendidikan.

Samy Vellu berkata, ketika menghadapi masalah untuk menubuhkan Kolej Tafe, Dr. Mahathir mendengar punca yang menyebabkan kesukaran untuk menubuhkan kolej tersebut.

"Selepas saya memberi penjelasan tentang masalah itu, beliau bersetuju untuk membantu membuka kolej berkenaan bagi meningkatkan kecemerlangan masyarakat dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara," jelasnya.

Tambah beliau, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM8 juta untuk membina kolej berkenaan dan setakat ini lebih 22,000 pelajar kolej itu telah berjaya dalam pelajaran mereka.

Selain itu, Samy Vellu turut menyuarakan masalah 64 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang uzur di seluruh negara dengan menunjukkan gambar

keadaan sekolah terbabit yang menghadapi pelbagai kekurangan yang boleh menjejaskan tumpuan pelajar terbabit.

"Apabila melihat gambar itu, beliau berfikir dahulu berapakah peruntukan yang boleh diberikan untuk mengatasi masalah Sekolah Tamil terbabit.

"Atas keprihatinan itu, kerajaan di bawah kepimpinannya telah menyalurkan peruntukan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memperbaiki sekolah-sekolah berkenaan supaya pelajar dapat menikmati suasana pembelajaran dengan sempurna dan selesa.

Selain itu, tambah beliau, kerajaan di bawah kepimpinan Dr. Mahathir telah memperuntukan RM50 juta untuk membolehkan sebuah universiti dibina di Kedah dan apabila siap kelak universiti berkenaan turut membuka peluang kepada kaum-kaum di negara ini melanjutkan pengajian mereka.

Dalam politik pula, pemimpin tertinggi itu sentiasa peka dengan masalah yang dihadapi oleh parti komponen BN tidak kira sama ada parti itu mempunyai jumlah keahlian yang besar ataupun kecil.

Samy Vellu menjelaskan, ketika memperkerusi mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Dr. Mahathir sentiasa mendengar masalah-masalah yang dihadapi parti komponen sama ada masalah itu kecil atau besar dan akan memberi perhatian yang serius.

"Beliau sentiasa mendengar apa sahaja masalah yang dihadapi oleh parti komponen pada bila-bila masa. Selepas mendengarnya ia akan menimbang dan memberi peluang kepada pemimpin parti komponen lain mengemukakan pandangan mereka bagi mengatasi masalah tersebut," katanya.